

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN ARAS

1.0 PENGENALAN

- 1.1 ARAS diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Naib Canselor UiTM pada 24 Julai 2014 semasa Seminar Transformasi UiTM diadakan. ARAS adalah ringkasan kepada *Academic & Research Assimilation*. Ia adalah satu model inovatif di mana output penyelidikan diterap dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang berkaitan supaya boleh mendatangkan manfaat kepada pelajar, bidang yang berkenaan dan Universiti.
- 1.2 ARAS mencipta kelainan kepada UiTM dari universiti lain dengan penerapan hasil penyelidikan dalam pembelajaran dan pengajaran (P & P).
- 1.3 Skop ARAS adalah *evidence-based practices* yang mana penyelidikan adalah merangkumi semua bidang yang melibatkan pembelajaran dan pengajaran. Penyelidikan yang dilaksanakan mesti bersifat untuk penambahbaikan kepada pembelajaran dan pengajaran serta menunjukkan nilai inovasi. Produk ARAS termasuk penghasilan kursus baharu atau topik baharu dalam sesuatu kursus, penghasilan garis panduan atau polisi, penghasilan model atau formula dan lain-lain yang bersesuaian yang termaktub dalam pembangunan dan penambahbaikan kurikulum dan pembelajaran dan pengajaran yang diperakui oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti.
- 1.4 ARAS mempunyai kedua-dua elemen penyelidikan Sains dan Teknologi juga Sains Sosial. Oleh itu, penyelidik boleh berada dalam bidang Sains dan Teknologi dan Sains Sosial dan Kemasyarakatan.
- 1.5 Penyelidik ARAS perlu menggunakan data atau praktis sedia ada, dan memberi cadangan serta membuat intervensi bersesuaian yang boleh menjadi bukti kepada keberkesanan cadangan yang dikemukakan.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan Geran ARAS RM 5,000.00 – RM 20,000.00 untuk tempoh maksimum 2 tahun.

3.0 SYARAT KELAYAKAN MEMOHON

- 3.1 Penyelidik Utama adalah ahli akademik UiTM yang penyumbang kepada Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM.
- 3.2 Terbuka kepada pensyarah tetap dan kontrak UiTM.
- 3.3 Penyelidik utama mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 6 bulan pada tahun semasa dan berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 3.4 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik maksimum 5 orang.

4.0 KEWANGAN

- 4.1 Agihan perbelanjaan dan peruntukan geran tertakluk kepada pembahagian bajet sebanyak 60% pada tahun pertama dan baki 40% pada tahun kedua.
- 4.2 Pembayaran upah pembantu penyelidik dengan jumlah maksimum **RM 1,000.00 sebulan**.
- 4.3 Permohonan pembantu penyelidik (RA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis/>).

5.0 PERMOHONAN GERAN

Permohonan geran adalah secara atas talian di iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis/>). Proses permohonan boleh dirujuk di Lampiran A.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Penilaian Geran akan dilaksanakan oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) dengan kerjasama Pejabat HEA.
- 6.2 Surat kelulusan akan diedarkan kepada ketua penyelidik dan juga kepada semua penyelidik bersama serta sesalinan kepada Ketua Jabatan.
- 6.3 Penyelidik perlu mengisi dan menandatangani borang penerimaan yang disertakan dengan surat kelulusan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

Semua penyelidik mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 8.2 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs.
- 8.3 Peruntukan tahun kedua hanya akan diberikan setelah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks dan membelanjakan sekurang-kurangnya 90% jumlah peruntukan tahun pertama.
- 8.4 Kegagalan memenuhi perkara 8.1 dan 8.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.5 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.6 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS/WOS/ERA
- 9.2 Wujud bukti hasil penyelidikan diterap ke dalam mana-mana aspek penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)
- 9.3 Penghargaan kepada geran ARAS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.